



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**MALAYSIA TERIMA PENGIKTIRAFAN PERINGKAT ASIA DALAM
PEMBANGUNAN APLIKASI REMOTE SENSING ANGKASA**

KUALA LUMPUR, 4 November 2023 – Penyertaan dua (2) projek Malaysia pada Persidangan Remote Sensing Asia (*Asian Conference on Remote Sensing-ACRS*) kali ke-44 di Taipei pada 30 Oktober hingga 3 November 2023 telah berjaya merangkul anugerah emas dan gangsa dalam pertandingan kategori *web contest-(WEBCON)* peringkat Asia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah mempertaruhkan dua (2) projek berimpak tinggi iaitu projek bertajuk *Implementation of **artificial intelligent (AI)** in paddy geospatial information system (MAKGEPADI) using space technology, GIS and ICT* yang telah memenangi anugerah emas, manakala projek bertajuk *Establishment of Web-GIS system for identifying and monitoring potential waste disposal site in Malaysia (e-sisa)* pula memenangi anugerah gangsa. Pertandingan ini turut melibatkan penyertaan daripada 17 buah negara rantau Asia lain termasuk Jepun, Australia, India, Indonesia, China, dan Singapura.

Penilaian yang telah dijalankan oleh panel-panel profesional daripada Persatuan Remote Sensing Asia (*Asian Association of Remote Sensing-AARS*) memfokuskan kepada kemampuan peserta mencipta teknologi atau

kaedah analisis pemodelan termaju berteraskan teknologi remote sensing angkasa dalam menyediakan penyelesaian menyeluruh sesuatu masalah.

Justeru kemenangan Malaysia ini menjadi satu pengiktirafan terhadap kemampuan saintis tempatan dalam penciptaan inovasi baharu dan penguasaan bidang teknologi angkasa khususnya teknologi berteraskan remote sensing angkasa.

Kejayaan dan pengiktirafan di peringkat rantau Asia ini akan menjadi motivasi terbaik kepada MOSTI, Ketua Pengarah MYSA dan seluruh warga kerja MYSA untuk terus memperkukuhkan kemampuan dan penguasaan negara dalam bidang angkasa seiring dengan hala tuju Dasar Angkasa Negara 2030.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

4 NOVEMBER 2023

WEBCON

AORS 2020

Gold: Malaysia
Implementation of artificial intelligence in paddy geospatial information system (MAKGEOPADI) using space technology, GIS and ICT

Silver: Chinese Taipei
A potential fire detection and air quality monitoring system using high spatiotemporal resolution satellite imagery from Himawari-8

Bronze: Malaysia
Establishment of Web-GIS system for identifying and monitoring potential waste disposal site in Malaysia (e-Sisa)

Bronze: Chinese Taipei
Automatic image quality assessment (AIQA) for satellite imagery

Logos: GSNR, and other organizational logos.

Gambar 1: Senarai Pemenang



Gambar 2 dari kiri: Delegasi pegawai penyelidik daripada MYSA iaitu Pn. Nurul Aina binti Abdul Aziz, En Akhmalluddin bin Mohd Sujai (pemenang pingat emas), En. Adnan bin Ismail (Timbalan Ketua Pengarah MYSA), Pn. Siti Nor Afzan binti Abdul Habib (pemenang pingat gangsa) dan Pn. Maizaitoldura binti Mohd Isa yang mewakili Malaysia dalam Persidangan Remote Sensing Asia (Asian Conference on Remote Sensing-ACRS) kali ke-44 di *Taipei*, pada 3 November 2023.



Gambar 3 & 4: Sijil pengiktirafan emas dan gangsa yang diraih wakil Malaysia di pertandingan kategori *web contest*-(*WEBCON*) peringkat Asia.